

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	21 February 2016

Najib rasmi Bangunan Canselori Tun Abdul Razak UMP hari ini

UM - 21/2/2016

PEKAN 20 Feb. - Penubuhan Universiti Malaysia Pahang (UMP) hasil cetusan idea Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semasa memegang jawatan Menteri Pendidikan pada 1998, membawa limpahan manfaat kepada rakyat dan negara terutama penduduk setempat.

UMP yang dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem) dan ditubuhkan secara rasmi pada Februari 2002 bukan sahaja melahirkan graduan berketrampilan, malah kewujudan kampus utamanya di Mukim Kuala Pahang di sini menjadi mercu tanda baharu dalam memperkukuhkan peranannya sebagai sebuah gedung ilmu.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, selepas 14 tahun penubuhannya, institusi pengajian tinggi itu akan terus memperkasakan bidang pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan bertaraf dunia dalam ekosistem kejuruteraan serta

teknologi yang dapat memanfaatkan masyarakat dan negara.

Kata beliau, Pelan Strategik UMP 2016-2020 yang dilancarkan baru-baru ini menumpukan lima strategi iaitu Keunggulan Akademik, Kelestarian Kewangan, Kelestarian Penyelidikan dan Inovasi, Kemapanan Sosioekonomi dan Persekitaran serta Keunggulan Jenama bagi melonjakkan pencapaian universiti berkenaan.

"Kita akan terus memperkukuhkan peranan untuk melahirkan graduan holistik yang relevan dengan keperluan masyarakat dan membudayakan teknologi serta keusahawanan menerusi ekosistem universiti yang dinamik.

"Begitu juga dengan penghasilan penyelidikan yang harus berteraskan teknologi dapat dimanfaatkan komuniti setempat dan persekitaran," katanya di sini hari ini.

Menurut Daing Nasir, usaha juga diteruskan bagi menjana kewangan UMP dengan meningkatkan pelaburan dan mewu-

judkan persekitaran yang dapat menyokong kelestarian universiti berkenaan.

Dalam pada itu, beliau menyeru masyarakat setempat berkunjung ke UMP sempena perasmian kampus utama universiti itu yang akan disempurnakan oleh Perdana Menteri esok.

Beliau berkata, majlis tersebut lebih bermakna kepada UMP apabila Perdana Menteri bersetuju dengan penamaan kompleks pentadbiran utamanya sebagai Canselori Tun Abdul Razak sebagai mengenang jasa ayahanda beliau, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein yang juga Perdana Menteri kedua.

"Acara lain yang berlangsung adalah penyerahan dana pembangunan usahawan bumiputera kepada peserta Empower ECER Mahkota hasil jaringan kerjasama strategik antara Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju), Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan UMP Advanced Education (UAE).

"Ini bagi membantu usahawan bumiputera dalam bentuk bantuan barangan perniagaan supaya mereka boleh meneruskan perniagaan masing-masing," katanya.



DAING NASIR